

01/01/1997

Dr Mahathir lancar TMT 97 hari ini

KUALA TERENGGANU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah tiba sini hari ini dalam rangka lawatan singkat ke negeri ini.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Tasik Kenyir dengan helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk berehat.

Malam esok Perdana Menteri akan melancarkan Tahun Melawat Terengganu (TMT) 97 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Belia dan Sukan negeri, Datuk Ibrahim Awang, berkata perasmian TMT 97 malam esok yang bermula jam 8 malam dipenuhi acara menarik berwarna-warni.

Pelancaran itu diserikan dengan perarakan masuk kira-kira 100 kereta yang menyertai program mencari harta karun dari Kuala Lumpur ke stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Selepas itu, satu pertunjukan bunga api selama satu jam akan diadakan diikuti dengan persembahan nyanyian lagu tradisional dan pop yang diiringi oleh orkestra RTM Kuala Lumpur.

Penyanyi yang mengambil bahagian ialah Syarifah Aini, Yusni Hamid, Nadia Maslena, Hafsah Jusoh, Hattan, Aris Hariwatan, Tengku Anis Tengku Sulaiman dan kumpulan Spring. Turut serta ialah beberapa pelawak.

Sebanyak 57 acara antarabangsa dan nasional disediakan sepanjang TMT 97, termasuk jambori pengakap di Besut dan Kejohanan Silat Asean.

(END)